

Kuota Bumiputera tetap dipertahankan

PM beri jaminan tidak berlaku kesenjangan, pertahan keadilan untuk semua

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan, kuota pelajar Bumiputera akan terus dipertahankan kerajaan, biarpun selepas membenarkan semua calon cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tanpa mengira kaum atau latar belakang diberi tempat di matrikulasi.

Perdana Menteri mengakui, sejak pengumuman mengenai peluang kepada semua pelajar cemerlang mendapat tempat di matrikulasi itu dibuat, keputusan terbabit menjadi bualan dan polemik hingga menghangatkan suhu politik.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata kuota untuk pelajar Bumiputera dikekalkan kerana ia termaktub mengikut Perlembagaan Persekutuan yang membabitkan kedudukan istimewa orang Melayu serta kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

"Kita ambil jalan yang kita anggap adil dan munasabah, kalau dia (pelajar) itu rakyat dan warga kita, kita harus pelihara tapi kita juga terima kenyataan mengenai meritokrasi jadi tanpa mengira kaum dan wilayah, dapat 10A kita beri jaminan tempat di matrikulasi.

"Kuota Bumiputera tetap dikekalkan kerana ini keputusan sudah lama kerana berkait dengan Perlembagaan, jaminan masa depan Bumiputera Melayu supaya tidak berlaku kesenjangan, jadi penjawat awam harus faham, meritokrasi kita pertahankan, tapi keadilan juga kita pertahankan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Kelmarin, Perdana Menteri mengumumkan keputusan Kabinet bahawa semua lepasan SPM yang memperoleh keputusan cemerlang 10A dan ke atas serta memohon melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi akan



Anwar bersalaman dengan kakitangan pada perhimpunan bulanan bersama warga JPM di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

mendapat tempat tanpa mengira kaum atau latar belakang.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat Jemaah Menteri pada Jumaat lalu. Mengulas lanjut, Anwar berkata, pengumuman keputusan kerajaan itu sedikit sebanyak meredakan suhu ketegangan yang terpaksa dihadapi Kementerian Pendidikan (KPM) setiap tahun.

Katanya, ia kerana setiap kali dibicarakan mengenai kuota Bumiputera, ia dijadikan isu yang agak keterlaluan.

"Di satu pihak nak menafikan hak minoriti, di satu pihak pula nak pertikai prinsip Perlembagaan dan jaminan kepada Bumiputera dalam kedudukan lebih rendah kerana kemudahan di desa dan miskin bandar.

"Jadi ketika kita pertahankan prinsip meritokrasi, kita juga pertahankan prinsip keadilan, maknanya sementara meritokrasi dipertahankan, ia tidak seharusnya dijadikan ideologi yang ketat.

"Saya lihat anak orang besar pergi ke sekolah terbaik di dunia, balik menjadi seorang profesional dan intelektual, dia pertahankan golongan elit di atas itu, saudara lihat umpamanya, mereka lebih pintar menulis. Jadi siapa yang akan wakili rakyat yang tersisih, terbiar dan terpinggir ini," katanya.

Justeru, beliau sekali lagi menegaskan, walaupun keputusan memberikan pengiktirafan kepada kecemerlangan tanpa mengira kaum dan latar belakang kerajaan pada masa sama tegas mempertahankan kuota Bumiputera.

"Saya percaya perkara ini akan dijelaskan dengan lebih teliti

oleh Fadhlina Sidek (Menteri Pendidikan) dan akan ceritakan secara lebih jelas," katanya.

Susulan keputusan Kabinet itu, Kementerian Pendidikan (KPM) akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi menyaring jumlah pelajar cemerlang 10A yang membuat permohonan ke program matrikulasi KPM atau program melalui UPUOnline oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA).

"Ini bagi membolehkan mereka yang tidak ditawarkan tempat, dapat diselaras semula tawaran berdasarkan kepada pilihan program pelajar.

"Tawaran tempat dan jurusan adalah bergantung kelayakan calon dan kekosongan Program Matrikulasi KPM, manakala KPT akan fokus kepada kemasukan program asasi dan diploma di universiti awam. Ketetapan ini dibuat bagi memastikan pelajar cemerlang SPM dan daripada keluarga B40 mendapat peluang melanjutkan pengajian," kata KPM menerusi kenyataannya semalam.

KPM berkata, pada masa yang sama, sistem kuota Bumiputera yang sedia ada bagi Program Matrikulasinya kekal.

Sementara itu dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri mengingatkan semua pihak agar tidak 'keterlaluan' dalam membahaskan polemik berkaitan isu BlackRock.

Beliau berkata, sebarang polemik berkaitan isu berkenaan yang dikaitkan dengan rejim Israel boleh menjejaskan kepentingan Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang berkembang.